

# FKAL dan DPIML bekerjasama jayakan AIBC 2018

UB 19.5.2018 B6

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) sedia bekerjasama dengan Dewan Perdagangan Islam Malaysia Labuan (DPIML) dalam menjayakan penganjuran persidangan antarabangsa, iaitu 'Applied International Business Conference (AIBC 2018)' kali ke-3 yang akan diadakan di sini pada 23-24 Oktober 2018.

Jalinan kolaborasi dua hala itu adalah antara yang dibincangkan kedua-dua pihak pada mesyuarat yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada

Rabu.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal selaku penasihat AIBC bersama jawatankuasa AIBC iaitu Prof Madya Dr Hanudin Amin (pengerusi), Noor Muafiza Masdar (bendahari) serta Dr Sharinah Puasa dan Iftekhar Amin Chowdhury (Tajaan).

Sementara DPIML diwakili oleh Pengerusinya Wan Abdul Rahim Wan Abd Rahman bersama Timbalan Pengerusi Dr Ramli Tahir dan AJK Sabrina Jessey Mohd Iskandar.

Tema persidangan kali ini ialah 'Embracing The Indus-

trial Revolution 4.0: Business Challenges'.

Menerusi kolaborasi ini, DPIML bersetuju untuk menyumbangkan idea dalam bentuk industri manakala FKAL dalam bentuk pendidikan/ilmiah.

Persidangan ini melibatkan peserta dari dalam dan luar negara dengan sasaran seramai 100 orang pembentang.

**IFTEKHAR (tiga kanan) dan Abdul Rahim (tiga kiri) bertukar-tukar cenderamata sambil diperhatikan Geoffrey (empat kanan) selepas mesyuarat itu.**

